

28 pemaju tahap dua dipelawa sertai R3-1

PEMAJU induk, Kwasa Land Sdn Bhd mempelawa 28 pemaju tahap dua bagi projek kediaman R3-1 di atas tanah pegangan bebas berukuran 9.74 hektar di Kwasa Damansara.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan, pelawaan bagi permohonan untuk cadangan (RFP) ini adalah yang pertama pada 2016 dan yang keenam yang dikeluarkan oleh Kwasa Land.

"Pembida yang berminat perlu menyerahkan RFP sebelum 17 Mei 2016.

"Penilaian berdasarkan tiga kriteria utama iaitu keperluan wajib, cadangan teknikal dan cadangan komersial serta mengemukakan harga tender berasaskan setiap sekaki persegi bersama-sama dengan analisis kemajuan kewangan," katanya.

Pembida juga dikehendaki mengemukakan reka bentuk pembangunan dengan tema dan karakter yang is-

timewa yang boleh memupuk kebanggaan dan pemilikan di persekitaran kontemporari yang mampan.

Projek itu melibatkan nilai pembangunan kasar (GDV) terkumpul sebanyak RM50 bilion dalam tempoh 15 hingga 20 tahun akan datang.

Pengarah Urusannya, Datuk Mohd Lotfy Mohd Noh berkata, R3-1 telah dicadangkan sebagai pembangunan kediaman berkepadatan 780 unit berhadapan Persiaran Atmosfera, dengan rangkaian penyambungan yang sangat baik ke Kota Damansara.

"Pembangunan ini terletak berdekatan dengan cadangan sekolah, masjid dan plot komersial.



MOHD LOTFY

"Oleh itu, ia akan memberi faedah yang amat besar bagi pemaju hartanah serta pembeli yang berhasrat untuk mendirikan kediaman di perbandaran kontemporari baru ini," katanya.

Menurutnya, dua stesen MRT dalam pembangunan ini memberi lebih nilai tambah

kerana terletak dalam jarak 500 meter dari stesen MRT Kwasa Damansara dan 750 meter dari stesen MRT Kwasa Sentral.

Kwasa Land Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) merupakan pemaju induk bagi pembangunan perbandaran 943 hektar Kwasa Damansara.